


BAB 3



BAB 3

PERKEMBANGAN POLITIK KELANTAN TAHUN 1990 - 1996

A: PENDAHULUAN

Bab ini membicara mengenai perkembangan politik Kelantan sejak tahun 1990 hingga 1996. Fokus perbincangan menjurus kepada dua Pilihanraya Umum (PRU) di Kelantan masing-masing pada 21 Oktober 1990¹ dan 25 April 1995.² Manakala Pilihanraya Kecil (PRK) Pulai Chondong³ pada 6 Januari 1997 turut diberi keutamaan.

Sejak PAS kembali semula menerajui Kerajaan Negeri Kelantan, politik negeri itu sehingga kini masih tidak menentu. Scenario ini sebenarnya terikat dengan tiga "watak" utama yang dianggap ramai bakal menentukan arus politik Kelantan. Ketiga-tiga "watak" tersebut ialah PAS, UMNO dan Istana.

Perkembangan mutakhir menunjukkan politik Kelantan terus bergolak. Kerajaan Negeri pimpinan PAS kini bukan sahaja menghadapi tekanan dari bekas rakan segabungannya, PMS 46,⁴ malah kemelut semakin melebar apabila Pegawai Tadbir Negeri (PTN) turut terbabit. UMNO pula dikait sebagai "*dalang*" yang pasti "*menangguk di air keruh*".

Sungguhpun menghadapi tekanan dua penjuru dari UMNO dan Istana, PAS masih mampu bertahan dan semakin mantap terutama di kawasan-kawasan tradisinya. Sokongan terhadap parti itu semakin terserlah dengan keputusan PRK Pulai Chondong apabila calonnya, Zulkifli Mamat berjaya menewaskan Usoff Hamzah, BN/UMNO dengan majoriti 118 undi. Keputusan ini dikata turut memberi semangat baru kepada parti itu untuk meneroka kawasan-kawasan yang sebelumnya dianggap kubu kuat UMNO.

B: ANALISIS PRU 1990

Keputusan PRU pada 21 Oktober 1990 menyaksikan UMNO Kelantan di posisi yang paling teruk dalam sejarah politiknya apabila gagal memenangi sebarang kerusi. Keputusan tersebut mencatatkan gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) berjaya menyapu bersih semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen. Parti Islam Se Malaysia (PAS) selaku teraju utama memperolehi 24 kerusi (61.54 peratus). Parti Melayu Semangat 46 (PMS 46) di hiraki kedua dengan 13 kerusi (33.34 peratus).⁵ Bakinya, dimenangi oleh BERJASA dan HAMIM dengan jumlah masing-masing satu (1) kerusi (2.56 peratus).

Sementara di peringkat Parlimen pula, PMS 46 mendahului rakan gabungan dengan perolehan 7 kerusi (53.85 peratus)⁶. Ini disusuli oleh PAS sebanyak 6

kerusi (46.15 peratus). HAMIM dan BERJASA tidak diperuntukkan sebarang kerusi. Pecahan jumlah dan peratus kerusi yang dimenangi mengikut parti di Jadual 1.

Jadual 1

Jumlah Dan Peratus Kerusi Yang Dimenangi APU PRU 1990

Parti	Dewan Rakyat		DUN	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
PAS	6	46.15	24	61.54
PMS46	7*	53.85	13**	33.34
BERJASA	-	-	1	2.56
HAMIM	-	-	1	2.56
JUMLAH	13	100.00	39	100.00

Nota:

* Jumlah ini termasuk kedudukan Datuk Ibrahim Ali, AP Pasir Mas dan Ahmad Shukri Haji Hassan, AP Machang

** Jumlah ini termasuk kedudukan Nordin Salleh, ADUN Sg. Pinang dan Wan Mohd. Najib, ADUN Limbongan

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya


Dato' Nik Aziz Bin Nik Mat yang mempertahankan kerusinya di N.04 Semut Api

mendahului lain-lain calon dengan perolehan majoriti tertinggi sebanyak 6,993 undi. Sementara Halim Bin Abdul Rahman, Timbalan Menteri Besar 1 (T/MB 1) menduduki hiraki kedua dengan catatan 6,075 undi di N.06 Banggol. Datuk Hj. Rozali Bin Isohak, T/MB 11 pula berjaya mempertahankan kerusi N.37 Dabong dengan majoriti 4,571 undi.

Tan Sri Mohamed Bin Yaakub tewas kepada seorang muka baru dari PMS 46, Zianon Bin Abidin Ali di N.29 Panglima Bayu. Dalam pertandingan tiga penjuru tersebut, bekas MB itu kecundang dengan 2,921 undi majoriti. Shafi'i Bin Hj. Abdul Rahman, calon BEBAS hanya mendapat 87 undi. Timbalannya, Dato' Ahmad Rastom Bin Ahmad Maher menerima nasib yang sama apabila gagal dalam pertandingan satu lawan satu dengan Dato' Halim Bin Mohamed di N.08 Bunut Payong. Beliau kalah dengan 4,092 undi majoriti.

Tengku Alang Bin Tengku Sulong, calon PMS 46 yang bertanding di N.31 Gual Ipoh memperolehi majoriti terendah dengan catatan 1,287 undi. Dalam pertandingan tiga penjuru itu, beliau yang mendapat 4,218 undi menewaskan inkumben Mustafa Bin Yaakub, BN/UMNO (2,931 undi) dan Mat Zin Bin Abd. Rahman, BEBAS (72 undi). Catatan jumlah undi dan peratus keputusan pertandingan di N31 Gual Ipoh di Gambarajah 5).

**GAMBARAJAH 5 :
KEPUTUSAN PILIHANRAYA DI N.31
GUAL IPOH**



■TG. ALANG TG.SULONG
■MUSTAFA YAAKOB
□MAT ZIN ABD RAHMAN

Turut menyaksikan buat pertama kalinya ialah kemenangan dua beradik berlainan parti.⁷ Hjh. Kelthum Binti Hj. Ahmed, calon tunggal wanita DUN PMS 46 menewaskan Salleh Bin Che Harun, BN/UMNO dengan 2,569 undi majoriti di N34 Temangan. Manakala Hj. Omar Bin Mohammed, inkumben PAS di N.20 Perupok mengalahkan Hj. Nor Bin Awang, BN/UMNO dengan kelebihan 3,042 undi⁸.

Dua orang calon etnik Cina turut kecundang untuk merebut kerusi N07 Padang Garong. Kedua-dua mereka Dr. Lim Kok Tee, calon tunggal DAP dan Lim Jet King, inkumben BN/MCA tewas di tangan wakil tunggal BERJASA, Datuk Wan Hashim Bin Wan Ahmad. Persaingan tiga penjuru itu mencatatkan majoriti 2,739 undi.

Kesemua 21 orang calon BEBAS peringkat DUN hilang wang pertaruhan. Angka paling kecil diperolehi oleh Hj. Muhammad Bin Abdullah dengan 43 undi di N.02 Sg. Pinang dan yang tertinggi sebanyak 240 undi, Md. Bukhari Bin Abdullah di N18 Peringat.

Di peringkat Parlimen, PRU 1990 diperhati telah menamatkan karier politik tiga (3) orang tokoh bertaraf Menteri. Mereka ialah Tengku Ahmad Rithaudden, bekas Menteri Pertahanan, Dato' Hj. Dasuki Bin Ahmad, Timbalan Menteri Penerangan dan Kassim Ahmad, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian.


Pertandingan tiga penjuru di P.19 Kota Bharu meletakkan Hjh. Illani Binti Dato' Isahak memperolehi majoriti tertinggi sebanyak 15,460 undi. Saingan terdekatnya Tengku Ahmad Rithaudden mendapat 12,106 undi diikuti Saifuddin Bin Hj. Daud, calon BEBAS sebanyak 503 undi.

Dato' Hj. Dasuki Bin Ahmad pula gagal mempertahankan kerusi P.17 Tumpat setelah kalah ditangan Wan Jamil Bin Wan Mahmood, PAS dengan kelebihan 11,662 undi. Beliau mendapat 12,916 berbanding calon PAS 24,578 undi. Seorang lagi saingan daripada BEBAS hilang wang pertaruhan dengan perolehan hanya 358 undi. (Lihat Gambarajah 6).

Turut mengiringi, Kassim Bin Ahmad yang kecundang di P.27 Machang. Pertandingan tiga penjuru itu memutuskan kemenangan mutlak Shukri Bin Hj. Hassan, calon PMS 46 dengan 15,944 undi mengalahkan dua pencabarnya yang masing-masing mendapat 8,206 dan 292 undi.

Sementara Tengku Razaleigh Hamzah kekal mempertahankan kedudukan di P.29 Gua Musang, Wan Omar Bin Wan Najib pula memperolehi majoriti terendah dengan 7,720 undi. Beliau mengalahkan Kamaruddin Bin Mohd. Nor (10,104 undi) dan seorang calon BEBAS, Tengku Sihar Bin Hj. Tengku Abdul Kadir (309 undi) di P.24 Pasir Puteh.

GAMBARAJAH 6 : KEPUTUSAN PILIHANRAYA DI P.17 TUMPAT



- DATO' HJ DASUKI AHMAD**
- WAN JAMIL WAN MAHMOOD**
- WAN RAHMAN WAN HASSAN**

Kemenangan dua tokoh yang sering digelar "ayam sabung" PAS turut menarik perhatian. Mereka ialah Hj. Buniyamin Bin Yaakub, mengalahkan Hj. Mohamad Zain Bin Abdullah di P.23 Bachok dan Mohammad Bin Sabu, menewaskan Dato' Annuar Bin Musa serta Dr. Kamaruddin, BEBAS di N.22 Nilam Puri. Di samping Mohammad Bin Sabu, seorang lagi tokoh "luar Kelantan" ialah Dr. Sanusi Daeng Bin Daeng Mariok yang menang di P.21 Rantau Panjang. Beliau mengalahkan Tan Sri Hussein Bin Ahmad, bekas Ketua Penerangan UMNO Pusat. Keputusan di Nilam Puri dan Rantau Panjang tersebut sekali gus mampu menolak dakwaan wujudnya semangat "*parokialism*" yang tinggi di kalangan rakyat Kelantan.

Ramai berpendapat kekalahan BN didorong oleh beberapa faktor. Dikatakan bahawa pakatan APU yang terdiri dari PAS, PMS 46, HAMIM dan BERJASA berjaya menonjolkan imej perpaduan. Suasana "*permuaafakatan politik*" (consociationalism)⁹ APU di waktu itu dilihat begitu kukuh sekali di mana jentera APU telah memamer kerjasama erat dalam menjalankan tugas-tugas pilihanraya seperti kegiatan kempen, menampal poster, membina pondok-pondok markas parti, menaikkan sepanduk dan sebagainya tanpa mengira perbezaan fahaman politik serta upah. Bagi penyokong PAS pula, tawaran bekerjasama daripada PMS 46 dianggap sebagai "*orang mengantuk*

disorongkan bantal". Peluang tersebut sukar untuk dilepaskan kerana ia merupakan cara paling efektif untuk menjatuhkan UMNO.¹⁰

Faktor keangkuhan pemimpin UMNO turut menyumbang kepada kejatuhan parti itu di Kelantan. Peringkat "grassroots" ketua-ketua kampung, penghulu serta Ahli Jawatankuasa Kerja dan Keselamatan Kampung (JKKK) didakwa telah menyisihkan penyokong-penyokong parti pembangkang dalam aspek pengagihan subsidi baja, racun dan alatan pertanian.¹¹ Selain itu, sikap pilih kasih dalam pengagihan projek-projek pembangunan kampung seperti membina gelanggang sukan dan jambatan di antara kampung-kampung yang dikuasai UMNO juga telah meningkatkan lagi tahap perpaduan di kalangan penyokong PAS dan PMS 46 dalam menjatuhkan Kerajaan BN.¹²

Kegagalan pihak UMNO dan Menteri Besar (MB) sendiri dalam mengatasi krisis dengan Sultan turut dianggap sebagai "*pemangkin*" kejatuhan. Bibit-bibit persengketaan Sultan dengan UMNO sebenarnya bermula sejak perebutan jawatan Presiden parti dalam Perhimpunan Agung (PERGUNG) 1987¹³ di mana Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dilapor mengaitkan sokongan Sultan Kelantan terhadap Tengku Razaleigh Hamzah yang mencabarnya. Tuduhan Sultan membabitkan diri dalam politik tidak dapat diterima

oleh kalangan rakyat Kelantan. Krisis semakin meruncing apabila pemimpin UMNO Negeri mengadakan pertemuan dengan rakyat dalam majlis yang dikenali sebagai Gerakan Setia Bersama Rakyat (Semarak) pada 8 Mac 1988 di Lubok Jong. Ada kalangan penyokong UMNO melihat hari tersebut sebagai "*Hari Pertabalan Raja Baru*" Kelantan. Majlis ini jelas sekali mencabar kedaulatan Sultan. Kegagalan MB memberi penjelasan berhubung tujuan sebenar majlis tersebut diadakan kepada Sultan telah mengeruhkan lagi suasana.¹⁴

Peristiwa penukaran 20 orang Pegawai Tadbir Negeri (PTN) yang didakwa pro UMNO atas arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) tanpa pengetahuan MB pada 4 Disember 1988 juga telah meningkatkan sentimen persengketaan antara Sultan dengan MB. Pihak UMNO menuduh Baginda Sultan campur tangan dalam isu tersebut memandangkan SPN berada di bawah bidang kuasa Baginda.¹⁵ Selain itu, nama Tengku Razaleigh Hamzah juga telah disebut-sebut sebagai "*dalang*" di belakang peristiwa tersebut. Kedua-dua sentimen anti Sultan dan anti Tengku Razaleigh Hamzah yang cuba diwujudkan oleh UMNO ketika itu dianggap tidak popular dan akhirnya memakan diri sendiri.¹⁶

Satu lagi faktor yang dikira memberi impak kepada keputusan pilihanraya ialah ketokohan Nik Aziz Nik Mat, Ketua Dewan Ulama PAS dan Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden PMS 46. Keperibadian Nik Aziz Nik Mat dengan jolokan "*Tok Guru*" begitu dihormati. Di kalangan rakyat, beliau lebih dikenali sebagai seorang ulama dan mujahid yang berjuang menegakkan pemerintahan Islam.

Ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah pula tidak kurang hebatnya kerana dianggap mampu membawa perubahan dari segi fizikal dalam bentuk pembangunan dan kemajuan. Jasa Tengku Razaleigh Hamzah meningkatkan kemudahan infrastruktur di Kelantan mendapat perhatian rakyat. Perhubungan "*patron-client relationships*"¹⁷ yang wujud terhadap Tengku Razaleigh Hamzah ini memberi "*advantage*" kepada usaha menjatuhkan pemimpin-pemimpin UMNO yang di katakan rasuah dan menyeleweng. Kombinasi kedua-dua tokoh ini sekali gus mendorong meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap keupayaan gagasan APU dalam menerajui Negeri Kelantan.

Di samping itu, pihak APU juga berjaya meningkatkan kemarahan rakyat terhadap UMNO dengan mengeksploit isu-isu tertentu. Di antara yang paling ketara ialah isu "*MB Lawan Sultan.*" Tindakan MB berkonfrontasi dengan Sultan dianggap

sebagai tindakan melampau dan "derhaka". Pemimpin-pemimpin UMNO lain juga didakwa rasuah dan mengamalkan politik "nepotism" serta pilih bulu. Kegagalan UMNO melaksanakan janji-janji pilihanraya juga telah menyebabkan rakyat berpaling tada kepadा APU. Peranan PMS 46 misalnya begitu berkesan dalam meleburkan pengaruh penyokong-penyokong UMNO dengan cara meningkatkan sentimen kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Berdasarkan keputusan Pilihanraya 1990 jelas menunjukkan majoriti rakyat menolak kepimpinan UMNO. Sikap keterlaluan pemimpin UMNO negeri terhadap Sultan dan ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah serta dakwaan penyelewengan kuasa seolah-olah meletakkan UMNO sebagai parti yang paling tidak disukai dewasa itu.

C: HUBUNGAN PAS - PMS 46 SEBELUM PRU 1995

Sejak menerajui Kelantan, pakatan PAS-PMS 46 telah menunjukkan bibit-bibit pergeseran. Di antara peristiwa paling awal ialah tindakan PAS membolot jawatan Timbalan Menteri Besar. Ini menimbulkan kemarahan PMS 46 kerana sebelum PRU 1990 persefahaman telah dicapai di antara keduanya untuk memperuntukan jawatan Menteri Besar kepada PAS di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah

dan Perlis walaupun kerusi PMS 46 melebihi PAS. Manakala jawatan Timbalan Menteri Besar pula akan diperuntukan kepada PMS 46 jika APU berjaya membentuk Kerajaan. Bagaimanapun, setelah menakluki Kelantan, PAS telah membolot kedua-dua jawatan utama tersebut. Bagi membendung rasa tidak puas hati PMS 46, jawatan Timbalan Menteri Besar II bertaraf EXCO telah diwujudkan dan diberi kepada Dato' Hj. Mohd Rozali Isohak, Pengurus Badan Perhubungan PMS. 46 Kelantan.¹⁸

Rasa tidak puashati PMS 46 terhadap PAS ini kemudiannya dipercayai turut mendorong dua orang ADUN PMS 46 iaitu Wan Najib Wan Muhammad (Limbongan) dan Nordin Salleh (Sungai Pinang) mengisyihar keluar parti masing-masing pada 29 Mac dan 10 April 1991.¹⁹ Pilihanraya Kecil (PRK) telah diadakan di kawasan-kawasan tersebut.²⁰ Dalam PRK itu, kedua-dua inkumben di atas yang bertanding atas tiket UMNO telah tewas masing-masing kepada calon PMS 46, Hj. Samat Mamat (Limbongan) dan Hj. Mahmood Yaakub (Sungai Pinang). Keputusan penuh kedua-dua PRK di Jadual 2 dan 3.

Jadual 2

Keputusan PRK Sungai Pinang
Pada 24 Ogos 1991

Nama	Parti	Jumlah	Peratus
Nordin Salleh	UMNO	4,357	40.45
Hj. Mahmud Yaakub	PMS 46	6,351	58.96
Hj. Wan Muhamad Hj. Wan Abdullah	BEBAS (Bas)	38	0.35
Wan Abd. Rahman Wan Hassan	BEBAS (Buku)	25	0.23

Undi Rosak : 223

Jumlah Mengundi : 10,994 (71.25%)

Pengundi Berdaftar : 15,430

Majoriti : 1,994 undi

Jadual 3
Keputusan PRK Limbungan
Pada 24 Ogos 1991

Nama	Parti	Jumlah	Peratus
Wan Mohamad Najib Wan Muhammad	UMNO	4,248	41.50
Abd. Samad Mamat	PMS 46	5,808	56.75
Mohd. @ Afendi Hassan	BEBAS (Buku)	26	0.25
Mat Hassan Jusoh	BEBAS (Payung)	60	0.58

Undi Rosak : 92

Jumlah Mengundi : 10,234 (74.80%)

Pengundi Berdaftar : 13,681

Majoriti : 1,560 undi

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya

Keputusan PRK tersebut bagaimanapun telah dicabar oleh UMNO di mana Mahkamah akhirnya membuat keputusan bahawa pindaan Perlembagaan Negeri Kelantan yang melucutkan kedudukan seseorang ADUN secara automatik apabila melompat parti adalah tidak sah dan mereka (Wan Muhamad dan Nordin Salleh) kekal sebagai ADUN. Berikut itu, PMS 46 telah meminta PAS meminda Perlembagaan Negeri bagi membolehkan dua orang wakilnya yang menang disah sebagai wakil rakyat kawasan tersebut. Meskipun PAS hanya berdiam diri dan tidak mengambil apa-apa tindakan, namun kedua-dua wakil rakyat UMNO telah dicop sebagai "*wakil Mahkamah*".

Perasaan cemburu di kalangan PMS 46 semakin ketara apabila pengagihan jawatan "*politik*" dan "*bukan politik*" dalam pentadbiran negeri, agensi-agensi Kerajaan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri dan anak-anak syarikatnya dimonopoli oleh PAS. Jawatan-jawatan lain seperti penghulu, pegawai dakwah, guru Al-Quran, Imam, Ahli Majlis Daerah juga dibolot oleh kalangan PAS.²¹

Berbagai masalah yang menimbulkan rasa tidak puashati PMS 46 terhadap PAS ini cuba diselidung dari pengetahuan umum khususnya UMNO. Perkara tersebut sebenarnya bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana secara kasar, asas perikatan

PMS 46 dengan PAS di dalam APU sebelum PRU 1990 lebih menjurus kepada matlamat untuk menjatuhkan Kerajaan BN terutamanya UMNO di Kelantan. Walhal, jika diteliti secara halus PMS 46 dan PAS mempunyai cita-cita politiknya tersendiri. Hakikat ini berkemuncak apabila PMS 46 akhirnya keluar dari APU dan seterusnya dibubarkan²² untuk kembali semula kepangkuhan UMNO.

D: ANALISIS PRU 1995

Sebanyak 14 kerusi Parlimen dan 43 kawasan DUN telah dipertandingkan di Kelantan semasa PRU 25 April 1995. Persempadanan baru ini menunjukkan pertambahan satu (1) kerusi Parlimen (Jeli) dan empat (4) DUN. Keempat-empat kerusi DUN itu ialah N.30 Semerak di Pasir Puteh dan N.35 Kemahang, N.36 Air Lanas serta N.37 Pergau di Jeli.

Berbanding PRU 1990, keputusan kali ini memberi sedikit nafas baru kepada BN. Ini terbukti apabila dua (2) calonnya Dato' Anuar Bin Musa menang di P.26 Peringat dan Datuk Mustapa Bin Mohamed di P.30 Jeli. Bakinya, 12 kerusi lagi dimenangi seimbang antara PAS dan PMS 46 dengan masing-masing memperolehi enam (6) kerusi.

Di peringkat DUN, sebanyak tujuh (7) kerusi DUN telah dimenangi BN. Ini mencakupi N.01 Pengkalan Kubur, N.08 Kota Lama (MCA), N.22 Melor, N.24 Ketereh, N.35 Kemahang, N.37 Pergau dan N.38 Guchil. Sementara PAS memenangi 24, rakan gagasannya PMS 46 beroleh 12 kerusi. Pecahan dan peratus jumlah kerusi yang dimenangi mengikut parti di Jadual 4.

Jadual 4

Jumlah Dan Peratus Kerusi Yang Dimenangi Mengikut Parti Semasa PRU 1995

Parti	Dewan Rakyat		DUN	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
PAS	6	42.86	24*	55.81
PMS 46	6	42.86	12**	27.91
UMNO	2	14.28	6	13.95
MCA	-	-	1	2.33
JUMLAH	14	100.00	43	100.00

Nota:

* Jumlah ini tidak termasuk kedudukan Nordin Yaakub, ADUN Kelaburan yang menyertai PAS pada 19 Julai 1996

** Keputusan ini tidak mengambilkira keputusan PRK Pulai Chondong pada 6 Januari 1997

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya


Selain berjaya memecah rekod tanpa kalah APU di Peringat dan Jeli, kerapuhan pakatan PAS-PMS 46 hampir ditembusi di P.27 Tanah Merah. Dalam pertandingan tiga penjuru itu, Ibrahim Bin Pateh Mamat, PAS memperolehi majoriti 506 undi menumpaskan saingan terdekat Datuk Hashim Bin Safin, BN/UMNO (14,845 undi). Che Seme Bin Che Abdullah, BEBAS hanya mendapat 273 undi.

Datuk Ibrahim Bin Ali yang mempertahankan kerusi P.22 Pasir Mas atas tiket BN/UMNO tersungkur di tangan Zainuddin Bin Mohd. Nor, bekas Timbalannya. Beliau mendapat 16,178 berbanding Zainuddin 19,394 undi. Pertandingan satu lawan satu tersebut memberi kelebihan kepada calon PMS 46 sebanyak 3,216 undi. Keputusan pertandingan ditunjukkan di Gambarajah 7).

Seorang muka baru PAS turut menang selesa di P.20 Pengkalan Chepa. Nik Mohd. Amar Bin Nik Abdullah yang mempertahankan kerusi bapanya, Nik Abdullah Bin Nik Arshad mendapat 20,410 undi. Ismail Mat, calon BN/UMNO mendapat 9,316 sementara Yusof Mat, BEBAS hilang wang pertaruhan dengan perolehan 221 undi.

Kubu kuat PMS 46 di P.32 Gua Musang sukar digugat apabila Tengku Razaleigh Hamzah yang memperolehi 13,716 undi berjaya mengekang kemaraan saingannya Nik Ismail Bin Wan Idris. Calon BN/UMNO

GAMBARAJAH 7 :
KEPUTUSAN PILIHANRAYA DI P.22 PASIR MAS



■ DATUK IBRAHIM ALI

■ ZAINUDDIN MOHD NOR

itu tewas sebanyak 8,980 undi majoriti setelah mendapat 4,736 undi. Sejumlah 18,452 orang dari 28,105 pemilih berdaftar (77.11 peratus) keluar mengundi. Bilangan kertas undi ditolak sebanyak 3,152 undi.

Kemenangan Tengku Razaleigh Hamzah ini dianggap kejayaan berganda setelah beliau menang sekali lagi semasa PRK pada 29 Ogos 96. PRK Gua Musang merupakan pertama kali diadakan selepas PRU 1995 setelah Mahkamah menerima petisyen Tan Sri Hussein Bin Ahmad yang mengatakan penolakkan pencalonannya ketika penamaan calon tempohari sebagai tidak sah. Keputusan PRK di Jadual 5.

Jadual 5

Keputusan PRK Gua Musang Pada 29 Ogos 1995

Nama	Parti	Jumlah	Peratus
Tengku Razaleigh Hamzah	PMS 46	13,144	60.40
Tan Sri Hussein Ahmad	UMNO	8,398	38.50

Undi Rosak : 223
Jumlah Mengundi : 21,765 (77.44%)
Pengundi Berdaftar : 28,105
Majoriti : 4,746 undi

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya

Kemampuan BN meraih tujuh (7) kerusi DUN turut menampakkan perpaduan PAS-PMS 46 semakin longgar. Kombinasi yang tidak utuh tersebut terserlah apabila PAS kecundang di tiga (3) kerusi berbanding PMS 46 sebanyak dua (2) kerusi. HAMIM dan BERJASA yang diperuntukkan satu kawasan, masing-masing gagal di N.01 Pengkalan Kubur serta N.08 Kota Lama.

Berdasarkan tujuh (7) kerusi yang dimenangi BN, tiga (3) daripadanya mencatatkan majoriti melebihi 1,000 undi. Kerusi-kerusi tersebut ialah N.01 Pengkalan Kubur (1,298 undi), N.08 Kota Lama (1,676 undi) dan N.24 Ketereh (1,417 undi). Bakinya, empat (4) kawasan di antara 265 hingga 577 undi.

Pertandingan empat (4) penjuru berlaku di N.08 Kota Lama. Manakala tiga kawasan berlaku persaingan tiga (3) penjuru. Kawasan-kawasan terlibat ialah N.01 Pengkalan Kubur, N.22 Melor dan N.24 Ketereh. Bakinya, tiga (3) lagi kawasan merupakan pertandingan satu lawan satu di antara BN dengan pihak APU. Keputusan kemenangan BN/UMNO dengan mengikut kawasan dipaparkan di Jadual 6.

Jadual 6

Kemenangan BN Mengikut DUN

Kawasan/Calon/ Parti	Jumlah Undi	Undi Di tolak	Peratus Pengundi	Majoriti
N.01 Pengkalan Kubur		259	72.10	1,298
Mat Nawawi Mat Jusuh (BN/UMNO)	6,086			
Wan Rahman Wan Salleh (HAMIM)	4,788			
N.08 Kota Lama		336	69.74	1,676
Foo Chee Lian (DAP)	214			
Leong Su Siang (MCA)	8,837			
Yusof Mohd. Nor (BERJASA)	7,161			
Mohd Din Nizam- din (BEBAS)	104			
N.22 Melor		234	76.41	331
Khairuldeen Hj Mat Adam (PMS 46)	5,486			
Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (UMNO)	5,515			
Tn. Mohamad Tn. Soh (BEBAS)	110			
N.24 Ketereh		1,028	83.11	1,417
Ariffin Mahmood (UMNO)	6,270			
Md Ashari Mamat (PAS)	4,853			
Jondi Abd Rahim (BEBAS)	50			

Kawasan/Calon/ Parti	Jumlah Undi	Undi Ditolak	Peratus Pengundi	Majoriti
N.35 Kemahang Mohd Adhan Kechik (UMNO) Nik Kamaruzaman Sulong (PMS 46)	5,421 5,031	228	83.16	390
N.37 Pergau Abdul Aziz Derasid (UMNO) Yusof Yaakub (PAS)	3,690 3,425	224	81.23	265
N.08 Guchil Mohd Razali Che Mat (UMNO) Wan Hassan Wan Yusof (PAS)	4,809 4,232	163	73.13	577

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya

Seramai empat (4) orang Ketua Bahagian UMNO, Ketua Pemuda dan Wanita Kelantan serta tiga (3) Ketua Pemuda Bahagian tumpas. Keempat-empat Ketua Bahagian itu ialah Mansor Bin Salleh (Tumpat), Hj. Ahmad Shahibuddin Bin Hj. Mohd. Nor (Bachok), Ismail Bin Mamat (Machang) dan Datuk Ariffin Bin Said (Gua Musang).


Datuk Mohamad Fatmi Bin Che Salleh, Ketua PPUMNO Kelantan tewas dalam pertandingan tiga penjuru kepada Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah, Setiausaha Politik Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat di

N.07 Tanjong Mas. Kemenangan kelebihan majoriti 4,985 undi tersebut turut menghilangkan deposit Ramli Bin Sulaiman, BEBAS yang hanya mendapat 57 undi. Sementara Ketua PWUMNO pula, Zaleha Binti Hussein kecundang di tangan Ahmad Rusli Bin Ibrahim di N.16 Salor.

Zahari Bin Wahab dan Muhamad Supardi Bin Mohd. Nor masing-masing Ketua PPUMNO Bahagian Kota Bharu dan Tanah Merah mengalami nasib yang sama. Zahari tewas kepada Datuk Halim Bin Mohamed di N.09 Bunut Payong dan Muhammad Supardi pula gagal di N.26 Bukit Panau di tangan Mat Yusoff Bin Mat Shah. Manakala Sabrie Bin Shafei, Ketua PPUMNO Nilam Puri yang mendapat 4165 undi kecundang ditangan Shukri Bin Abd. Rahman (5506 undi), PAS di N23 Kadok. Pertandingan tiga penjuru itu memberi kelebihan kepada calon PAS sebanyak 1341 undi. Ahmad Zailani Bin Abdul Wahab (BEBAS) hanya memperolehi 93 undi. (Sila Lihat Gambarajah 8).

Pertandingan mirip perlawanan ulangan sehingga membawa kes Ke Mahkamah berlaku di N.29 Limbongan. Kali ini Wan Mohd. Najib Bin Wan Mohamad, UMNO tewas kepada Samat Bin Mamat, PMS 46 dengan jurang pengundian sebanyak 1,973. Amanullah Bin Ab. Kudus, calon BEBAS langsung tidak memberi saingan dengan hanya mendapat 106 undi.

GAMBARAJAH 8 :
KEPUTUSAN PILIHANRAYA DI N.23 KADOK



Pergeseran di awal pemerintahan APU 1990 nampaknya semakin ketara menjelang PRU 1995. Kali ini PMS 46 terus merasa terpinggir menerusi pengagihan kuota kerusi DUN. Di tahap itu, PAS seolah-olah tidak mengiktiraf kehadiran HAMIM dan BERJASA apabila menarik balik dua (2) kerusi yang diperuntukkan kepada kedua-dua parti tersebut. Sebaliknya, PMS 46 diserah untuk memberi sebarang kerusi sebagai gantinya. Ini menjadikan pengagihan kerusi yang begitu pincang di antara PAS dengan PMS 46 pada nisbah 27 : 16 (62.8% : 37.2%).

Tindakan PAS membelakangi kuota yang kononnya telah dipersetujui tersebut menimbulkan kecenderungan di kalangan pemimpin PMS 46 bersikap lebih tegas. Ke arah itu, sebaik sahaja keputusan PRU diumumkan, PMS 46 berkeras untuk mengadakan rundingan dengan PAS bagi mendapat jaminan politik yang lebih baik. Desakan juga turut dibuat agar kerusi EXCO yang diperuntukkan kepada BERJASA sebelumnya diserah kepada mereka.

Desakan demi desakan yang dibuat oleh PMS 46 itu akhirnya berjaya apabila PAS bersetuju memperuntukkan kerusi EXCO yang sama rata pada kadar 50 : 50. Persetujuan tersebut dicapai dalam satu perundingan kedua belah pihak. PAS diwakili

Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat dan Timbalannya, Hj. Abdul Halim Bin Abd. Rahman, manakala PMS 46 dihadiri Datuk Rozali Isohak serta Datuk Shukri Bin Mohamad. Perundingan yang berlangsung selama tiga (3) hari mulai 26 hingga 28 Mei 1995 telah menyebabkan pembentukan Kerajaan Negeri yang baru lewat dibuat, iaitu, empat (4) hari selepas keputusan pilihanraya diumumkan.²³

Di samping pengagihan kerusi EXCO, antara perkara pokok perundingan termasuklah prinsip menekankan Islam sebagai Ad-Din, memperjuangkan hak-hak Melayu, menegakkan demokrasi berparlimen, mempertahankan institusi Raja berperlembagaan serta soal pembahagian jawatan dalam Kerajaan negeri mengikut nisbah 60:40 antara PAS dan PMS 46. Perjanjian juga menekankan agar setiap dasar yang diputus hendaklah terlebih dahulu dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras APU peringkat negeri.

Berdasarkan persetujuan di atas, maka Kerajaan Negeri Kelantan yang baru telah mengangkat sumpah pada 28 Mei 95. Walau bagaimanapun, PAS dikatakan gagal untuk menandatangani persetujuan tersebut dan sekali lagi PMS 46 dikecewakan (play out) PAS.

Hubungan kedua-dua parti bertambah retak apabila PAS didakwa bertindak rakus memonopoli perlantikan Ahli-Ahli Majlis Daerah/Perbandaran. Sekitar bulan Jan 1996, pihak PAS telah mengurangkan kuota PMS 46 bagi jawatan ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Majlis Daerah Machang, Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli dan Tumpat. Di Kota Bharu, walaupun EXCO Kerajaan Negeri membuat keputusan bahawa kuota 1995 dikekalkan, namun PAS telah merampas satu kerusi melalui lantikan Taqiudin Bin Hassan menggantikan wakil kaum Cina dalam MPKB yang diperuntukan melalui PMS 46. Tindakan ini telah menimbulkan kemarahan PMS 46 dan sebagai tindak balas, kesemua enam (6) ahli MPKB dari parti tersebut memboikot majlis mengangkat sumpah pada 30 Januari 1996. Peristiwa ini dikira satu "*amaran*" paling ketara dan sekaligus mempamerkan keretakan hubungan PAS-PMS 46 dalam APU.²⁴

Masalah yang sama tercetus di Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Machang. Dato' Rozali Isohak, Timbalan Menteri Besar II dilapor telah menyampaikan arahan yang serupa semasa mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin PMS 46 pada 4 Februari 1996 di Wakaf Siku, Kota Bharu. Ekoran itu, majlis mengangkat sumpah di Pasir Mas dan Machang ditunda sehingga upacara berasingan diadakan.

Selepas itu, PAS telah bertindak membelakangkan PMS 46 dalam pentadbiran Negeri dengan mencampuri urusan portfolio yang dipegang oleh EXCO PMS 46. PAS secara bersendirian telah merangka dan melaksana dasar serta ketetapan yang menyentuh soal sosio-ekonomi rakyat dan soal "*hukum hakam*" agama tanpa terlebih dahulu membincangkannya dalam Mesyuarat Penyelaras APU peringkat negeri dan Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri.²⁵

Di peringkat ini, PMS 46 belum bertindak melulu. Majlis Tertinggi parti yang bermesyuarat pada 8 Februari 1996 di rumah Tengku Razaleigh Hamzah, Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur dipercayai telah memutus untuk membentuk JK Khas bagi menilai hubungannya dengan PAS. JK ini terdiri daripada Dato' Hj. Suhaimi Bin Kamaruddin, Naib Presiden PMS 46, Dato' Jaafar Bin Onn, AMT PMS 46 dan Ahmad Shabery Cheek, Ketua Penerangan PMS 46 Pusat. Bagi memantapkan penilaian, beberapa tokoh akademik bakal dilibatkan. Mesyuarat juga bersetuju supaya perhubungan dengan PAS dirapatkan demi "*survival*" PMS 46.

Dalam pada itu, sebagai alternatifnya, satu pelan kontinjenzi turut dirangka oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Rancangan tersebut berupa

pendirian PMS 46 bersedia bekerjasama dengan BN andainya hubungan parti itu bersama PAS tidak dapat diselamatkan.

Bagi mengatasi kekusutan tersebut, PMS 46 telah menghantar lima orang ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) parti menemui Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat bagi membincangkan pelbagai perkara yang dikata boleh memantapkan pentadbiran Kerajaan Negeri, mengeratkan perhubungan antara parti komponen APU dan perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, PAS dilapor menolak usaha pertemuan tersebut dan beranggapan PMS 46 tidak perlu "*mengajar itik berenang*". Sikap PAS ini semakin kukuh apabila Tengku Razaleigh Hamzah membuat kenyataan bahawa dirinya masih bersemangat UMNO.

Tindak tanduk PAS yang mencabar serta memalukan PMS 46 menyebabkan parti itu berada dalam keadaan "*hidung tak mancung pipi tersorong-sorong*". Sebagai jalan keluar, hasil mandat kepimpinan parti, sekitar bulan Mac 1996 Tengku Razaleigh Hamzah telah mengadakan pertemuan "*sulit*" dengan YAB Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO. Pertemuan tersebut merupakan pertemuan "*rasmi*" pertama di antara PMS 46 (Tengku Razaleigh Hamzah) dengan YAB Perdana Menteri selaku Presiden UMNO selepas peristiwa PERGUNG 1987. Pertemuan ini mendapat kritikan hebat pemimpin-pemimpin PAS.

Krisis PAS-PMS 46 semakin meruncing apabila PAS berura-ura meminda Perlembagaan bagi menghadkan kuasa Sultan. Hasrat PAS ini ditentang hebat PMS 46. Keretakan hubungan PAS-PMS 46 semakin jelas apabila PAS mengeluarkan arahan kepada semua cawangannya di seluruh negara supaya menerima mananya ahli PMS 46 yang mahu menyertai PAS. Lebih berani lagi, sewaktu Muktamar Pusat Ke 42 yang berlangsung pada 13 - 16 Jun 1996, PAS telah membuat ketetapan menyerahkan kepada Dewan Ulama untuk mengkaji dan membuat keputusan terhadap hubungannya dengan PMS 46.²⁶

Sikap konfrontasi terhadap PMS 46 dikeruhkan lagi apabila PAS dalam Sidang Dewan Undangan Negeri pada 7 Julai 1996 meminda Enakmen Saraan (1980) Pindaan 1995 khusus untuk menurunkan gaji bulanan Dato' Rozali Isohak selaku Timbalan Menteri Besar II. Ini disusuli pada 14 Julai 1996, apabila PAS memutuskan semua hubungan politik dengan PMS 46 di semua peringkat. Serentak dengan itu, semua portfolio dan jawatan yang disandang EXCO PMS 46 dilucutkan.²⁷

Berdasarkan senario tersebut jelaslah bahawa perhubungan PAS dan PMS 46 di dalam pakatan APU tidak ikhlas. PAS terutamanya memerlukan PMS 46 sebagai "*sparing partner*" semata-mata sewaktu pilihanraya bagi menentang UMNO. Kegagalan PAS

menandatangani sebarang perjanjian rasmi dengan PMS 46 membayangkan hasrat sebenar mereka untuk mentadbir Negeri Kelantan secara bersendirian tanpa PMS 46.

F: FAKTOR ISTANA

Satu lagi agenda yang sering kali diheret dalam kancah politik Kelantan ialah faktor Istana. PAS yang menyedari hubungannya tidak begitu rapat relatif PMS 46 cuba menutup kelemahan ini di mata rakyat menerusi kehadiran Baginda di acara-acara rasmi Kerajaan. Di antara yang agak efektif ialah "*Program Raja Bersama Rakyat*".

Pada peringkat awal pemerintahan PAS, perhubungannya dengan Istana begitu rapat sekali. Di antara faktor yang mendorong hubungan baik itu ialah kesediaan PAS menerima PMS 46 dalam pakatan APU. Dalam masa yang sama, PMS 46 mempunyai hubungan rapat dengan Sultan berdasarkan pertalian Tengku Razaleigh Hamzah bapa saudara Tengku Anis, Raja Perempuan Kelantan. Selain itu, pergeseran "*tersembunyi*" Sultan dengan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu pemilihan jawatan Presiden parti semasa PERGUNG UMNO pada 28 April 1987 turut menjadi faktor "*pemungkinan*".

Kerapatan hubungan PAS terutamanya Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat dengan Sultan dipertonton melalui majlis-majlis rasmi "Raja Bersama Rakyat" di jajahan-jajahan seluruh Kelantan. Gandingan di pentas tersebut semakin terserlah apabila Al-Sultan turut melahirkan simpati kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan ini, dalam beberapa siri lawatan, Baginda sentiasa menyeru rakyat bersabar kerana Kerajaan Negeri kekurangan sumber kewangan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Namun begitu, hubungan baik yang terjalin mula menampakkan kekeruhan ekoran beberapa tindakan menguris hati Sultan. Paling utama apabila Sultan didakwa turut berperanan merestui Dato' Wan Hashim Bin Wan Daud, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melantik firma perakaunan bebas Price Waterhouse. Perlantikan bagi mengaudit akaun Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tersebut ditentang oleh PAS. Parti itu berpendapat bahawa urusan kewangan PKINK adalah masalah dalaman Kerajaan Negeri.

Susulan itu, PAS telah menjalankan usaha menyingkirkan SUK melalui Jawatankuasa Khas (JK) bagi menyiasat penyelewengan dan salahlaku beliau sewaktu menjadi Ketua Jajahan Tanah Merah. Di antara salahlaku yang dimaksudkan ialah kelulusan projek tanpa tender, membina tempayan gergasi

semepena lawatan Sultan Selangor ke Kelantan serta pertukaran Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Walau bagaimanapun, usaha menubuhkan JK tersebut tidak dapat dilaksana kerana ia bertentangan dengan Perkara LXI (a) Perlembagaan Negeri Kelantan:²⁸

"Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan peruntukan bahagian ini, hendaklah menjadi tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) melantik, mengesah dan meletakkan seseorang pegawai dalam perkhidmatan tetap atau berpencen, menaik pangkat, menukar dan melaksanakan tindakan disiplin ke atas ahli-ahli perkhidmatan di dalam bidang Suruhanjaya".

Berdasarkan peruntukan ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa secara "per se" untuk memecat SUK. Walau bagaimanapun, PAS melalui Persidangan DUN telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pemeriksa Kira-Kira Wang Rakyat (PAC) untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas SUK. Namun begitu, tindakan PAC akan melibatkan Mahkamah. Oleh itu, ia akan menyulitkan PAS kerana selain kos perbicaraan yang tinggi kemungkinan turut menjaskan kredibiliti pentadbiran PAS secara keseluruhannya.

Kegagalan PAS menyingkirkan SUK menyebabkan mereka terpaksa mencari alasan untuk menyelamat maruah mereka. Justeru, sebagai jalan keluar, PAS mendakwa kononnya Sultan yang mempunyai kuasa melantik ahli SPN telah memainkan peranan menghalang usaha PAS memecat SUK.²⁹

Konflik PAS - Istana turut dimanfaatkan oleh UMNO apabila usaha untuk merapatkan hubungan di antara keduanya dikesan. Terdapat ura-ura UMNO Kelantan akan mengutus ucapan tahniah bersempena Hari Keputeraan Al Sultan pada 30 Mac 1996.³⁰ Serentak dengan itu, dua syarikat yang di dakwa ada kaitan dengan UMNO direstui untuk menyalurkan projek-projek di Kelantan. Syarikat Adorna yang berpusat di Pulau Pinang menjalankan projek perumahan rakyat di Kota Bharu, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan jambatan yang menghubungkan Kota Bharu dengan Palekbang di Tumpat. Manakala Syarikat Abrar pula beroperasi sebagai syarikat kewangan dan perhotelan.³¹

Kemelut PAS - Istana terus berlanjutan apabila berlaku pertukaran mendadak seramai 17 orang Pegawai Tadbir Negeri (PTN).³² PAS beranggapan keputusan SPN menukar beberapa orang pegawai yang pro PAS didalangi oleh Istana. PAS juga mendakwa urusan pertukaran tersebut di luar pengetahuan Menteri Besar selain bertujuan menghukum pegawai yang condong kepada PAS. Sekali lagi Sultan dilibat berdasarkan alasan SPN dilantik di bawah kuasa Sultan.³³

Hubungan PAS - Istana dikeruhkan lagi dengan pengungkitan isu penswastaan air. Sultan didakwa memaksa Kerajaan PAS menyerahkan tender Projek Bekalan Air Kelantan Utara (BAKU) kepada pihak

tertentu. Projek BAKU telah dirancang sejak pemerintahan UMNO lagi. Memandangkan projek ini sangat penting kepada proses perindustrian serta ekonomi rakyat di kawasan utara, maka Kerajaan PAS bersetuju meneruskannya. Walau bagaimanapun, kegagalan memperolehi pinjaman pembiayaan dari Kerajaan Pusat memaksa Kerajaan Negeri memutuskan BAKU dilaksana melalui penswastaan.³⁴

Terdahulu, tender projek ini telah ditandingi oleh tujuh syarikat iaitu Taliworks Consortium Sdn. Bhd.; Tinjauan Sdn. Bhd.; Accumart Sdn. Bhd.; Kelkon Sdn. Bhd.; Abadi Land & Enviroment Sdn. Bhd.; Thames Water International Sdn. Bhd. dan Babcock K-W Sdn. Bhd. Selepas proses penilaian, projek penswastaan BAKU telah diserahkan kepada Kelantan Water Sdn. Bhd (KWSB) yang mana 70 peratus saham dikuasai oleh Thames Water International Sdn. Bhd dan bakinya 30 peratus lagi oleh Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) dimana Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat selaku pengurusnya.

Apabila timbul kekecohkan perlaksanaan projek BAKU di mana wujud rasa tidak puashati rakyat berhubung kadar bayaran air yang tinggi selain kualiti air yang rendah, maka timbul tohmahan yang mengatakan Menteri Besar "dipaksa" menandatangani "*Memorandum of Understanding*" (MoU) BAKU selepas jamuan di Istana. Menteri Besar³⁵ mendakwa:

"... selepas makan nasi beramai-ramai di Istana, orang suruh saya sain. Kita yang tak tahu apa-apapun sain ..."

Kenyataan ini agak mengelirukan kerana sewaktu pulang dari lawatan ke Ibu Pejabat Thames Water di London, Menteri Besar serta ahli EXCO Negeri menjelaskan tentang keyakinan mereka bahawa Thames Water mampu menyediakan bekalan air yang baik untuk rakyat.³⁶ Lagipun mengikut perjanjian Kerajaan Negeri melalui Enakmen Bekalan Air 1995, Enakmen³⁷ Bil.4 Tahun 1995 Fasal 8(3)(e) menyebut:

"hak-hak penyelarasan tarif air hendaklah diletakkan dibawah bidangkuasa Kerajaan."

Sultan juga diheret ke dalam isu menghalang perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan. Di dalam ceramah-ceramah anjuran PAS terdapat kecenderungan di kalangan penceramahnya seolah-olah menyalahkan Sultan dalam hubungan kegagalan perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan. Hukum Hudud yang disebut Rang Undang-Undang Kanun Jenayah II telah dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 November 1993 dan diluluskan sebulat suara oleh 39 ADUN. Ia kemudiannya telah dikemukakan kepada Sultan untuk diperkenankan. Menurut Buletin Kerajaan Negeri³⁸ Bil 54 Sep 1994 (1) Menteri Besar dipetik :

"Kerajaan Negeri Kelantan telah merangka draf kanun tersebut dan membentangkannya dalam Dewan Undangan Negeri serta mendapat kelulusan Dewan pada 25 Nov 1993. Rang undang-undang tersebut telah diperkenan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan seminggu selepas diluluskan oleh sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan."

Malah, Akhbar Harakah³⁹ lidah rasmi PAS, Bil 566 bertarikh 20 Mei 1994 dalam "headline" bertajuk "*Sultan Kelantan Perkenan Hudud*" memetik kenyataan Setiausaha Kerajaan Negeri yang menjelaskan bahawa:

"Sultan Kelantan, Tengku Ismail Petra telah perkenankan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah II selepas ianya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada Nov 1993 lalu."

Di pihak Sultan pula, sempena Majlis Pelancaran Hijratul Rasul pada 18 Mei 1996, Baginda⁴⁰ bertitah :

"Beta faham, sebarang usaha ke arah melaksanakan Islam yang suci pasti menghadapi kesulitan dan kesukaran. Namun istilah sukar tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada kita. Ingatlah, Baginda Rasulullah walaupun telah menjadi kekasih Allah pun tidak dikecualikan daripada cubaan Allah dan terpaksa menghadapi segala bentuk kesulitan dunia. Peristiwa Hijrah membuktikannya. Baginda diburu. Baginda berlapar. Baginda berjalan kaki beratus-ratus batu demi menyelamatkan risalah suci Islam. Baginda tidak pernah berputus asa. Tanpa pengorbanan itu, mungkin Islam yang kita nikmati hari ini tidak ada. Tanpa pengorbanan itu juga mungkin kita semua berada dalam dunia kejahilan."

Namun begitu, isu ini lebih merupakan "phobia" di pihak PAS sahaja kerana mereka langsung tidak membentangkan usul tersebut di Parlimen untuk membuktikan kesahihan samada pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat benar-benar menolak Hukum Hudud. Senario ini agak menghairankan kerana PAS mempunyai wakil di Parlimen untuk mengemukakan usul tersebut. Terdapat juga dakwaan kononnya pihak PAS bimbang perlaksanakan Hukum Hudud akan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu menimbulkan huru hara dan pengistiharan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) di Kelantan.

Satu lagi isu yang agak mengguris perasan Sultan ialah apabila Baginda dituduh menyelewengkan wang rakyat. Kalangan PAS mendakwa lawatan sambil kerja Baginda ke Indonesia untuk menemui pelajar-pelajar anak Kelantan yang belajar di sana sebagai satu pembaziran. Sebelum itu, sejumlah RM 231,000.00 telah diluluskan oleh EXCO Kerajaan Negeri untuk membiayai lawatan tersebut. Akibatnya, Sultan yang berkecil hati dengan tohmahan PAS telah memulangkan jumlah tersebut kepada Kerajaan Negeri, namun ia ditolak oleh Menteri Besar kerana sedar peruntukan telahpun dilulus oleh EXCO.

Perselisihan PAS dengan Istana semakin meruncing pada 12 April 1996 apabila Mesyuarat Agong Pemuda PAS Kota Bharu yang dipengerusikan

Husam Bin Musa, Setiausaha Politik MB meluluskan usul Pemuda Cawangan Langgar. Usul tersebut meminta Badan Perhubungan PAS dan Dewan Pemuda PAS Kelantan mengkaji serta mengawal campurtangan Istana dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Akibat daripada usul itu, telah tercetus demonstrasi aman pada 17 April 1996 menentang Expo Pembangunan Dan Kebudayaan Kelantan yang diadakan bagi menyambut Hari Keputeraan Sultan. Difahamkan demonstrasi mendapat restu MB.

Sebagai respon, Nik Aznan, Setiausaha Sulit Sultan Kelantan dipercayai telah menghubungi Mazlan Ibrahim, Ketua Dewan Pemuda PAS Kota Bharu yang turut terlibat dalam demonstrasi. Sebaliknya, Mazlan Ibrahim tidak menghiraukan undangan itu dengan alasan beliau mempunyai urusan di Kuala Lumpur.

Konflik antara kedua pihak kian tegang apabila Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat mengesahkan secara terbuka campurtangan Istana melalui kenyataan akhbar pada 18 April 1996, sehari selepas Pemuda PAS berdemonstrasi. Seterusnya, pada 26 April 1996, beliau membuat kenyataan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan meminda Perlembagaan Negeri bagi memperjelaskan lagi pemisahan kuasa dan mengelak campurtangan Istana. Keputusan PAS yang

diambil tanpa dirunding dengan PMS 46 akan diterus walaupun tanpa sokongan daripada PMS 46. Persengketaan PAS-Istana semakin berkemuncak apabila Dato' Nik Aziz Nik Mat tidak dilantik mengiringi Al-Sultan menghadiri Majlis Mesyuarat Raja-Raja Ke 174 pada 5 - 7 November 1996. Keadaan menjadi semakin kecamuk apabila MB enggan mengeluarkan surat mewakilkan Hj. Abd Halim Bin Abd. Rahman, T/MB I mengiringi Al-Sultan walaupun Baginda mahu beliau berbuat sedemikian. Ini memaksa Al-Sultan menitahkan Dato' Rozali Bin Isohak, T/MB II mengiringinya. Walau bagaimanapun, Al-Sultan tidak dapat hadir mesyuarat tersebut kerana kehadiran baginda dan pengiringnya bertentangan dengan Fasal 38 (3) Perlembagaan Persekutuan.

G: FAKTOR PAS

Setelah kita melihat sedikit sebanyak pergelakkan politik antara PAS, PMS 46 dan Sultan, perlu juga kita menyingkap kedudukan PAS sendiri selaku aktor utama yang mencorakkan dasar-dasar di Kelantan.

Dari aspek sejarah, ramai sarjana berpendapat di peringkat awal penubuhan PAS, tujuan dan sifatnya seperti yang digariskan dalam Perlembagaan dari aspek organisasi berparti sangat longgar.⁴¹ Senario ini sebenarnya masih berkekalan di mana

PAS kini masih di taraf rendah walaupun citanya dibayangkan begitu tinggi. Kelemahan ini boleh dibandingkan bukan sahaja dengan Perlembagaan parti-parti Islam yang lain di dunia malah dengan Perlembagaan parti-parti sekular lain.⁴²

Selepas kematian tokoh utama PAS seperti Dr. Burhanuddin Helmi dan Dzulkifli Bin Muhammad, walaupun PAS semakin mempunyai ramai pengikut serta bertambah kuat, namun mutu kepimpinannya merosot. Kelemahan dari segi pengetahuan dan pendidikan politik di kalangan pemimpinnya telah menyebabkan PAS hampir tergelincir kepada fokus ekonomi.⁴³

Pemimpin PAS tidak mempunyai suatu gambaran jelas dan tegas terhadap tujuan yang hendak dicapai oleh parti terutama apabila ia menghadapi krisis kepimpinan. Kepentingan peribadi telah mengatasi kepentingan politik. Kesukaran menangkis tuduhan pihak lawan dalam pertandingan politik sangat dirasakan oleh kepimpinan yang tidak "bertukar" orang dan pola berfikir.⁴⁴ Mahu tidak mahu pengaruh PAS dalam ertikata perjuangan Islam yang sebenar tidak dapat dikembangkan dengan baik.⁴⁵ Natijah kepada kelemahan method perjuangan PAS, muncul lain-lain parti berteraskan Islam seperti Barisan Jemaah Islamiyah Se Malaysia (BERJASA), Hizbul Muslimim (HAMIM) dan Angkatan Keadilan Islam Malaysia (AKIM).

Kepincangan utama PAS ialah kelemahan pemimpinnya baik dari segi peribadi, sikap dan cara bekerja. PAS dalam era organisasi moden masih diisi dengan orang yang "tidak moden" dalam mengatur pentadbiran. Kekuatan PAS belum lagi benar-benar didasari atas kesedaran Islam sebagaimana yang dilaung-laungkan. Hal seumpama ini dapat dilihat melalui tingkah laku pemimpin-pemimpin tertentu PAS dalam ceramah-ceramah mereka.⁴⁶

Sejarah PAS di Kelantan sendiri menunjukkan ia dipelopori oleh mereka yang tidak mendapat tempat dalam UMNO. Kehadiran PAS menjadi wadah oleh mereka yang tercari-cari arah politik serta golongan yang tidak sebulu dengan UMNO. Hal ini sangat menarik kerana PAS peringkat nasional ketika itu dipimpin oleh mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan bercita-cita mendirikan hukum-hukum Islam yang selama ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan guru-guru agama dan pelajar-pelajarnya.⁴⁷

Atas persoalan itulah, PAS telah dapat menarik perhatian rakyat yang sememangnya mempunyai kesedaran agama yang tinggi. Namun begitu, kekuatan PAS di tahun-tahun 60an telah menarik minat golongan "*Malay Sentimental Attachment*" (sekular) untuk dijadikan tapak berpolitik.

Bermula dari tempoh tersebut, perjuangan PAS yang asalnya berteraskan sosio agama, kemudianya lebih cenderung kepada perjuangan "*kebangsaan yang melampaui*" dan menyimpang dari kehendak agama serta tujuan asal parti. Malah, tingkah laku politik pemimpin PAS masa kini banyak yang didapati menyalahi norma-norma partinya sendiri. Lebih berat lagi apabila sifat "*oligarchy*" mula mencengkam hebat sehingga apa yang diputuskan oleh alim ulama tidak lagi dipatuhi.

Pengertian politik dan norma-norma agama telah dipisahkan dengan mudah seolah-olah PAS bukan lagi merupakan sebuah parti politik yang berdasarkan Islam. Akhirnya, PAS dengan segala sumbangan dan tujuan asal semakin jauh menyimpang dari matlamat penubuhan asalnya.

Senario di Kelantan tidak jauh bezanya. Pergolakkan politik semasa dipercayai berpunca dari kepimpinan yang disebutkan di atas tadi. Mereka seolah-olah terikut-ikut dengan stail politik UMNO, malah kadang kala wujud situasi "*matlamat menghalalkan cara*" yang tentunya dilarang oleh Islam. Terdapat kecenderungan kalangan PAS sendiri untuk membala dendam perbuatan kepimpinan UMNO sewaktu berkuasa di Kelantan sebelum itu.

Sungguhpun begitu, ramai berpendapat faktor "Tok Guru" Nik Aziz Bin Nik Mat merupakan penyelamat politik PAS khususnya di Kelantan. Keperibadian beliau lebih dilihat sebagai seorang ulamak berbanding politikus. Beliau di kata seorang yang berfikiran rasional dan berpendirian teguh dalam memperjuangkan Islam. Beliau juga sentiasa mengekalkan stail politik yang tersendiri dan tidak mudah terpengaruh dengan aksi keterlaluan pemimpin-pemimpin PAS lain.⁴⁸

Di perspektif berasingan, sikap pemimpin PAS Kelantan yang sentiasa sinis terhadap pihak lain meletakkan Menteri Besar dalam keadaan serba salah. Keperibadian Datuk Nik Bin Aziz Nik Mat seolah-olah dicabar oleh kepimpinan PAS sehingga kadang-kadang memalukan Menteri Besar dan PAS sendiri. Hakikat ini terserlah apabila ada kalanya sesuatu perkara yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri tidak diktiraf segelintir pemimpin PAS.⁴⁹

Sikap terlalu menentang Barisan Nasional (BN) juga turut memberi impak negatif terhadap PAS. Paling ketara apabila percaturan politiknya bersabit pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menghadkan imuniti Raja-Raja "*memakan diri*".⁵⁰ Keengganan parti itu meminda Perlembagaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan telah

menyebabkan urusan pentadbiran menjadi kucar kacir. Malah, Kerajaan Negeri selaku pemegang kuasa eksekutif gagal mengawal SPN dan PTN.⁵¹

H: FAKTOR UMNO

Terdapat dua peristiwa penting pada tahun 1996 yang mencorakkan dimensi baru hubungan PAS- PMS 46 dengan UMNO dan Istana Kelantan. Peristiwa tersebut mencakupi "*Perhimpunan Penyatuan Melayu*" anjuran PMS 46 pada 3 Oktober 1996 dan "*Amanat Tok Guru*"⁵² anjuran PAS bertarikh 5 Oktober 1996.

Menyedari bahawa hubungannya dengan PAS semakin sukar dipulihkan, pemimpin tertinggi PMS 46 dilapor telah memberi mandat kepada Tengku Razaleigh Hamzah untuk mengadakan pertemuan dengan YAB Perdana Menteri. Tujuan pertemuan difaham bagi mencari formula merintis jalan kemungkinan ahli-ahli PMS 46 kembali semula menyertai UMNO.

Ekoran beberapa siri perbincangan yang di adakan dan di saat PAS menolak kehadiran PMS 46 di dalam pentadbiran negeri, PMS 46 telah bertindak berani dengan menganjurkan "*Perhimpunan Penyatuan Melayu*". Perhimpunan yang berlangsung di Padang Sekolah Kebangsaan Padang Garong, Kota Bharu, Kelantan tersebut di adakan pada 3 Oktober 1996.

Majlis "Perhimpunan Penyatuan Melayu" telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad diiringi oleh Tengku Razaleigh Hamzah serta kepimpinan kedua-dua parti UMNO dan PMS 46. Majlis yang berlangsung mulai jam 4.30 petang itu dihadiri lebih kurang 40,000 orang. Upacara sambutan telah dibuat secara besar-besaran dengan iringan paluan rebana ubi serta kibaran bendera oleh unit bermotosikal Pemuda PMS 46.

YAB Perdana Menteri dalam ucapan perasmianya antara lain terharu dengan tindakan PMS 46 kembali ke pangkuhan UMNO. Adalah di harapkan tindakan tersebut dapat merintis jalan menyatukan kembali umat Melayu Kelantan yang sebelum ini berpecah akibat perbezaan politik sempit di bawah satu wadah. Ini amat penting bagi menjamin Negeri Kelantan tidak terus tersisih dari arus pembangunan negara. Beliau juga secara berkias turut mempelawa kalangan PAS untuk bersama-sama menyertai tindakan PMS 46 dalam "*Penyatuan Melayu*".

Sementara itu, Tengku Razaleigh Hamzah semasa berucap antara lain secara berani mengakui kredibiliti kepimpinan YAB Perdana Menteri. Malah, beliau akur dan sanggup menjadi "*gurka*" dalam UMNO. Menurut beliau, sudah sampai masanya politik Kelantan diperbetulkan agar rakyat tidak lagi menjadi mangsa kepada pergolakan politik semasa.

Di majlis yang sama, pengumuman pembubaran PMS 46 dan ahli-ahlinya diserapkan ke dalam UMNO secara "en bloc" tanpa syarat diumumkan.

"*Perhimpunan Penyatuan Melayu*" memberi tiga (3) perkara yang signifikan terhadap politik Kelantan. Pertamanya, hubungan Perdana Menteri dengan Sultan Kelantan dilihat mula bertaut kembali. Justeru, kedudukan masa depan UMNO Kelantan mungkin lebih terjamin. Kedua, penyertaan semula ahli-ahli PMS 46 ke dalam UMNO diduga mengukuhkan kedudukan parti itu sekaligus mampu membawa masyarakat Melayu Kelantan kembali menyertai arus perdana ekonomi. Ketiga, mewujudkan persaingan politik yang lebih seimbang di antara PAS dengan musuh tradisinya, UMNO.

Berselang dua (2) hari selepas "*Perhimpunan Penyatuan Melayu*", pada 5 Oktober 1996, PAS telah menganjurkan Majlis "Amanat Tok Guru" di Stadium Sultan Mohamad Ke IV, Kota Bharu. Majlis ini turut mendapat sambutan menggalakkan dengan anggaran kehadiran sekitar 50 ribu orang. Sempena perhimpunan, lima orang tokoh telah berucap termasuk wakil HAMIM dan BERJASA. Hj. Fadhil Bin Noor, Yang Di Pertua PAS dalam ucapannya menyifatkan tindakan PMS 46 kembali kepada UMNO ibarat "*orang bercerai rujuk kembali*".

Mohammad Bin Sabu dengan jolokan "ayam sabung" PAS selaku wakil Dewan Pemuda tidak melepaskan kesempatan yang terbuka. Di samping mempersendakan tindakan Tengku Razaleigh Hamzah, beliau turut membidas kepimpinan Perdana Menteri yang didakwa tidak Islam dan diktaktor.

Hanya ucapan Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang ditaksir benar-benar menepati upacara majlis. Beliau antara lain menekankan pentingnya perpaduan Islam. Menurutnya, penyatuan Islam lebih penting daripada penyatuan Melayu. Penyatuan Islam lebih bersifat menyeluruh dan dituntut oleh Allah.

Apa yang jelas dan dirumuskan daripada beberapa pendapat orang-orang yang ditemui, "Amanat Tok Guru" merupakan usaha PAS untuk "retaliate" "Perhimpunan Penyatuan Melayu" anjuran PMS 46. Kehadiran yang begitu tinggi ini dipercayai sengaja diatur guna "to show force" serta mempamerkan "solidarity" penyokong terhadap kepimpinan PAS.

Berdasarkan senario tertera, terdapat perbezaan pendekatan di antara PAS di satu pihak dengan UMNO dan PMS 46 di pihak yang lain bagi meraih sokongan rakyat. Jika PMS 46 dengan tema penyatuan Melayu, PAS pula dengan penyatuan Islam. Di pihak UMNO dan PMS 46, pendekatan penyatuan Melayu dikira lebih wajar kerana ia dilihat mampu

menarik perhatian masyarakat Melayu Kelantan untuk bersatu di bawah satu bumbung.

Di pihak PAS, pendekatan yang diambil memberi dua persepsi. Pertama, golongan "sekular" dalam PAS melihat tema penyatuan Islam sebagai modal politik untuk terus mempertahankan status quo mereka menguasai tampuk pemerintahan negeri. Dari sudut yang lain, pendekatan penyatuan Islam tajaan Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat⁵³ dianggap pendokong kuat parti itu lebih bersifat "*genuine*". Semasa diwawancara oleh akbar Utusan Malaysia pada penghujung tahun 1996, beliau menegaskan:

" ... kerjasama mesti bersyarat. Syarat itu tidak menguntungkan PAS, tidak menguntungkan UMNO, tetapi menguntungkan Islam. Ini hasrat serta cita-cita yang harus ada pada setiap ahli PAS dan UMNO untuk mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan yang sebenar."

Menurut beliau lagi, tidak ada sebab mengapa Islam tidak boleh dijadikan dasar pemerintahan. Walau bagaimanapun, kerjasama tersebut tidak akan bermakna PAS akan bersatu dengan UMNO. Tambahnya⁵⁴:

"... kita memang hendak bersatu tetapi biarlah atas dasar Islam. Apa susahnya? Di mana untung PAS dan di mana rugi UMNO kalau terima Islam? ..."

Di akhir wawancara beliau⁵⁵ antara lain mengakui bahawa:

"Kita nak kepada orang UMNO, kerana dia orang kaya, orang comel, dia orang gagah."

I: PILIHANRAYA KECIL (PRK) PULAI CHONDONG,
KELANTAN PADA 6 JANUARI 1997

Kekalahan UMNO semasa Pilihanraya Kecil (PRK) Pulai Chondong pada 6 Januari 1997 meletakkan parti itu semakin tertekan. Segelintir pemerhati politik berpendapat kekalahan tersebut boleh di anggap sebagai "*kayu pengukur*" yang menyukarkan lagi UMNO kembali bertapak di Kelantan.

Dalam pertandingan satu lawan satu tersebut, calon BN/UMNO, Usoff Bin Hamzah tewas ditangan Zulkifli Bin Mamat, PAS dengan majoriti 118 undi. Keputusan pengundian PRK Pulai Chondong seperti di Jadual 7.

Jadual 7

**Keputusan PRK Pulai Chondong
Pada 6 Januari 1997**

Nama	Parti	Jumlah	Peratus
Usof Hamzah	UMNO	4,660	48.95
Zulkifli Mamat	PAS	4,778	50.20

Undi Rosak : 80

Jumlah Mengundi : 9,548 (75.33%)

Pengundi Berdaftar : 12,635

Majoriti : 118 undi

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya

Terdapat sekurang-kurangnya lima (5) persepsi menarik natijah PRK Pulai Chondong. Pertama, tanggapan bahawa UMNO Kelantan sebenarnya tidak cukup bersedia menghadapi sebarang kemungkinan Pilihanraya. Perkempenan UMNO untuk meraih sokongan dikata bermusim berbanding PAS secara berterusan.

Kedua, kemenangan calon PAS, Zulkifli Bin Mamat mempunyai mesej tersirat. Kononnya, sokongan ini lebih bersifat peribadi terhadap Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat⁶⁶ bagi menghadapi karenah Istana. Kemenangan tersebut dilihat sebagai satu tamparan sekaligus amaran keras kepada penghakisan pengaruh Istana di hati rakyat relatif sokongan terhadap kepimpinan ulamak. Terdahulu, Raja Perempuan Kelantan dilapor mengarahkan Datuk Shukri Bin Mohamad, AP Machang memastikan kemenangan calon UMNO setelah menolak pencalonan Dato' Mohammad Bin Hamzah, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Machang.

Ketiga, terdapatnya desas-desus pihak-pihak tertentu yang lebih rela UMNO menerima kekalahan. Pada mereka, keputusan ini memberi refleksi kelemahan kepimpinan Dato' Annuar Bin Musa selaku Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan. Kegagalan Tan Sri Hussein Bin Ahmad, bekas Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang merangkap Ahli Majlis Tertinggi (AMT) dan Dato' Muhammad Bin Hamzah hadir semasa pengumuman calon dikait sebagai "silent protest".

Faktor komitmen yang rendah di kalangan beberapa tokoh-tokoh korporat turut menarik perhatian. Selain Datuk Mustapa Bin Mohamed yang mengadakan "*strategi berkampung*", Datuk Kamaruddin Bin Jaafar, Datuk Kamaruddin Bin Mat Nor, Datuk Hashim Bin Safin dan Datuk Hassan Bin Harun dikata tidak begitu bersungguh-sungguh membantu perkempenan. "*Strategi Berkampung*" di Machang sepanjang period perkempenan ini sebenarnya pernah dibuat oleh Datuk Mustapa Bin Mohamed di Jeli semasa PRU 1995.

Wujudnya keyakinan yang semakin tinggi di kalangan tokoh-tokoh UMNO bahawa kekuatan PMS 46 di Kelantan sebenarnya tidak seberapa, menjadi natijah kelima. Golongan ini berpendapat, kekalahan tersebut lebih sebagai "*petanda*" bahawa UMNO tidak boleh bergantung kuat kepada PMS 46. Sehubungan itu, mereka berkeyakinan kemenangan PMS 46 semasa PRU 1990 dan 1995 banyak dibantu undi PAS.

Apapun natijahnya, PRK Pulai Chondong tetap menjadi fokus ramai pihak. Hakikatnya, PRK kali ini semakin menarik perhatian kerana ia merupakan pertarungan julung kali sejak PMS 46 dibubarkan pada 6 Oktober 1996. Sementara PAS, sebagai parti tunggak Kerajaan Kelantan yang sedang menghadapi pelbagai karenah, termasuk kerenggangan dengan Istana, terpaksa membuktikan popularitinya masih ampuh di hati rakyat.

Pada keseluruhannya, imej Datuk Nik Aziz Bin Nik Mat terus kukuh. Sebaliknya, Dato' Annuar Bin Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah bukan sahaja gagal meyakinkan pengundi di Pulai Chondong tetapi terpaksa berdepan dengan cabaran baru ke arah memastikan BN kembali semula menerajui negeri Cik Siti Wan Kembang.

Kesimpulannya, perkembangan politik Kelantan terus memikat ramai pemerhati politik. Paling menarik ialah fenomena yang melibatkan persaingan sengit dua musuh tradisi; UMNO dan PAS. Berkala, pembabitan pihak Istana menggawatkan lagi keadaan. Kemelut politik tersebut lazimnya semakin memuncak menjelang musim pilihanraya. Yang pasti, tanpa kepekaan tinggi dan keaktifan rakyatnya berpolitik, suasana ini sukar direalisasikan. Malah, tidak keterlaluan kalau dikatakan, urusan pentadbiran dan pembentukan polisi awam yang sepatutnya dilihat berkecuali turut sama terheret dalam kancang politik Kelantan.

Nota Kaki

1. Election In Malaysia, "A Handbook of Facts And Figure On The Elections 1955 -1990", NSTP Reasearch And Infromation Services, Kuala Lumpur, 1994.
2. Warta Kerajaan, "Keputusan Pilihanraya Yang Dipertandingkan Dan Penyata Pengundian selepas Penjumlahan Rasmi Undi", Jil.39 No. 12. P.U (B) 269, Tambahan No.35 Perundangan (B), Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 8 Jun 1995.
3. Pilihanraya Kecil (PRK) Pulai Chondong diadakan pada 6 Januari 1997. PRK ini dimenangi calon PAS.
4. Wan Imran Wan Abd Rahman. "Krisis Politik : Siapa Salah... Sultan? Semangat 46? Atau PAS?", Federal Public Agency, 1996. hal. 135 - 145.
5. Election In Malaysia, op.cit, hal. 31.
6. ibid., hal. 49.
7. ibid., hal. 74.
8. ibid., hal. 73.
9. Teori politik permuafakatan (consociational politics) diperkenalkan oleh Lijphart pada tahun 1967 di Kongres Pertubuhan Sarjana-sarjana Sains Politik di Brussels. Mengikut Lijphart, terdapat empat ciri-ciri utama yang diperlukan untuk menjayakan konsep permuafakatan. Ciri pertama dan terpenting sekali ialah kerjasama antara elit dari setiap segmen dalam masyarakat melalui gabungan politik (grand coalition). Ciri kedua ialah setiap segmen dalam masyarakat mesti mempunyai darjah autonomi yang agak tinggi bagi membolehkan tiap-tiap kumpulan menentukan dasar-dasar utama kaum masing-masing. Ciri ketiga ialah mesti wujud satu kuota atau proposionaliti bagi membolehkan tiap-tiap kumpulan memilih secara berkadar peruntukan kumpulan mereka untuk tabung awam dan perlantikan dalam perkhidmatan awam. Ciri keempat mesti adanya kuasa veto atau "concurrent majority rule" untuk menjamin kepentingan tiap-tiap kumpulan supaya mereka dapat mempertahankan kepentingan utama masing-masing. Untuk keterangan lanjut lihat Lijphart, Arend, "Consociational Democracy", World Politic, 21 (2) January 1969. hal. 207-225.

10. Mohammad Agus Yusoff. "Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990", terbitan Tak Berkala Dunia Melayu No.13, 1994, hal. 49.
11. ibid., hal. 51.
12. Junaidy Abu Bakar. "Budaya Politik Melayu Kelantan", Dewan Masyarakat, April 1991, hal. 14 - 15.
13. Mohammad Agus Yusoff, op.cit, hal. 52.
14. Mohd Fauzi Yunus. "Faktor Sosioologi Sebabkan Kekalahan Teruk BN di Kelantan", Watan, 23 Oktober 1990.
15. Ku Mohd Khalib Tuan Ibrahim. "Perlembagaan Malaysia: Satu Analisa Ke Atas Bidang Kuasa dan Penglibatan Raja-Raja Dalam Politik Dengan Rujukan Khas Kepada Kes Kelantan", Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, UKM, 1988/89.
16. Rosli Isa. "UMNO Selepas 24 April 1987: Satu Kajian Krisis Kepimpinan Melayu", Kajian Ilmiah, Jabatan Sains Politik, UKM, 1988/89.
17. Untuk keterangan lihat juga Scott J.C. "Political Ideology in Malaysia : Reality And The Beliefs of An Elite", Kuala Lumpur: University Malaya, 1968. Bab I dan II, hal. 1-118.
18. Wan Imran Wan Abd Rahman, op.cit, hal. 10.
19. ibid., hal. 10.
20. Election In Malaysia, op.cit, hal. 64.
21. Wan Imran Wan Abd Rahman, op.cit, hal. 11.
22. Pengalaman penulis sendiri yang menghadiri "Perhimpunan Penyatuan Melayu" pada 3 Oktober 1996, di Padang Garong, Kota Bharu.
23. Wan Imran Wan Abd Rahman, op.cit, hal. 20.
24. ibid., hal. 18.
25. ibid., hal. 19 - 20.
26. ibid., hal. 125.
27. ibid., hal. 126.

28. Perlembagaan Negeri Kelantan, Perkara LXI (a).
29. Berita Harian, 17 Okt 95.
30. Mohd Sayuti Omar, "Pergolakkan Politik Kelantan - Siapa Laga MB Dengan Sultan", Tinta Merah Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1996, hal. 32.
31. ibid., hal. 93 - 96.
32. Wan Imran Wan Abd Rahman, op.cit, hal. 44 - 51.
33. Mohd Sayuti Omar, op.cit, hal. 92.
34. Buletin Bil.44 April (1), 1994.
35. Utusan Malaysia, 16 Mei 1996.
36. Berita Harian, 30 Oktober 1995.
37. Enakmen Bekalan Air 1995, Enakmen Bil.4 Tahun 1995 Fasal 8(3)(e).
38. Buletin Kerajaan Negeri Bil. 54 Sep 1994 (1).
39. Akhbar HARAKAH lidah rasmi PAS Bil. 566 bertarikh 20 Mei 94 dalam "headline" bertajuk "Sultan Kelantan Perkenan Hudud".
40. Majlis Pelancaran Hijratul Rasul pada 18 Mei 1996, di Masjid Muhammadi, Kota Bharu.
41. Suara UMNO, Johor bahru, 15 Sep 1951, hal. 2.
42. Ahmad Kamar, The Leadership of Party Islam Se Malaysia (with special reference to the district of Kubang Pasu in the State of Kedah), thesis Ph.D, University Malaya.
43. Ahmad Kamar, "PAS Semakin Jauh Dari Amanah Alim Ulamak", Utusan Malaysia 3 April 1978.
44. Ibrahim Ahmad, "Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi", IBS Buku Sdn Bhd, 1989, hal 54.
45. Ahmad Kamar, "Islam Tercabar - Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS", Penerbitan Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1979/1980, hal. 32.

46. Alias Mohamad, "Sejarah Perjuangan Parti PAS : Satu Dilema", Utusan Publication, 1978, hal. 51.
47. Funston, N.J. "Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS", Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Kuala Lumpur, 1980, hal. 92.
48. Pengalaman penulis setelah mengikuti ceramah PAS dari masa ke semasa.
49. Wan Imran Wan Abd Rahman, op.cit, hal. 76.
50. ibid., hal. 23 - 31.
51. ibid., hal. 36 - 44.
52. Pengalaman penulis sendiri yang menghadiri majlis "Amanat Tok Guru" anjuran PAS di Stadium Sultan Mohamad ke IV pada 5 Oktober 1996.
53. Utusan Malaysia, 1 Diesember 1996. hal.12.
54. ibid.
55. ibid.